



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-368320/068/038
Bil. : KEW (S) 400-0/2/22 Klt.5 ()
Tarikh : 25 Jun 2021

NOTIS PENGUMUMAN

Kepada sesiapa yang berkenaan,

Y.Bhg Datuk/Tuan/Puan,

PEMBAYARAN CUKAI JUALAN NEGERI (CJN) KE ATAS KOMODITI PERIKANAN DIBAWA KELUAR DARI SABAH

Dengan segala hormatnya, perkara tersebut di atas dan Notis Pengumuman Kementerian ini dengan ruj. KEW (S) 400-0/2/22 Klt.5 (104) bertarikh 28 April 2021 adalah dirujuk.

2. Seperti yang Tuan/Puan sedia maklum, Kerajaan Negeri melalui Perintah Cukai Jualan Negeri (Kadar Cukai) 2021 telah mula melaksanakan Cukai Jualan Negeri (CJN) Ke Atas Komoditi Perikanan Yang Dibawa Keluar Dari Sabah pada 1 Mei 2021.
3. Seterusnya, bagi memberi ruang dan masa kepada pembayar cukai untuk mengadaptasi proses pembayaran CJN baharu ini, Kerajaan Negeri juga telah membenarkan tempoh penangguhan (grace period) selama 3 bulan bermula 1 Mei 2021 sehingga 31 Julai 2021. Dalam tempoh tersebut, pembayaran CJN dibenarkan dibuat selepas pengeksportan atau pemindahan. Walau bagaimanapun, pengeksport hendaklah membuat pembayaran dalam tempoh 28 hari daripada tempoh yang kena dibayar cukai. Contohnya, pengeksportan yang dibuat pada bulan Mei hendaklah dibayar cukainya sebelum atau pada 28hb Jun.

.../2

“SABAH MAJU JAYA”



(2)

KEW (S) 400-0/2/22 Klt.5 ()


 Jun 2021

PEMBAYARAN CUKAI JUALAN NEGERI (CJN) KE ATAS KOMODITI PERIKANAN DIBAWA KELUAR DARI SABAH

4. Dengan demikian, pihak tuan/puan adalah dinasihatkan untuk membuat pengisytiharan dan pembayaran CJN bagi bulan Mei 2021 sebelum atau pada 28 Jun 2021. Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Seksyen 14 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998 sekiranya orang yang dikenakan cukai gagal untuk mengemukakan pengisytiharan dan pembayaran cukai dimana apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.
5. Seterusnya kepada mana-mana syarikat yang masih belum mendaftar lesen cukai jualan Negeri, anda turut diingatkan agar segera berdaftar kerana kegagalan berdaftar adalah satu kesalahan dibawah Seksyen 31 Enakmen Cukai Jualan Negeri 1998, dimana apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali.
6. Untuk sebarang pertanyaan, sila berhubung dan merujuk kepada Unit Cukai Jualan Negeri, Bahagian Kewangan dan Ekonomi di talian 088-368071/038/320.

Sekian dan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(HAJI RUSDIN RIMAN C.A(M),FCPA(A), CPFA(UK))

Setiausaha Tetap

Selaku Pengarah Cukai Jualan Negeri

..3/-

“SABAH MAJU JAYA”

(3)

KEW (S) 400-0/2/22 Klt.5 ()

YK Jun 2021

**PEMBAYARAN CUKAI JUALAN NEGERI (CJN) KE ATAS KOMODITI PERIKANAN
DIBAWA KELUAR DARI SABAH**

s.k. Peguam Besar Negeri Sabah
Jabatan Peguam Besar Negeri Sabah
Aras 22 & 23, Blok A, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
KOTA KINABALU

Setiausaha Tetap
Kementerian Pertanian dan Perikanan Sabah
Aras 7 & 8, Wisma Pertanian
Jalan Tasik, Luyang, Beg Berkunci 2049
88624 KOTA KINABALU

Pengarah
Jabatan Perikanan Sabah
Aras 4, Blok B, Wisma Pertanian Sabah,
88624 KOTA KINABALU

Timbalan Pengarah Kastam Operasi Perkastaman Zon Sabah
Jabatan Kastam Diraja Malaysia Zon Sabah
Aras 7, Wisma Kastam Sabah, Jalan UMS
88400 KOTA KINABALU

Pengarah
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (Cawangan Sabah)
Lot 72 & 73, Blok K, Plaza Utama Alamesra
88450 KOTA KINABALU

“SABAH MAJU JAYA”